

Dr. Hari dedah pengurusan risiko dalam industri

Kuantan, 22 Februari- Lebih 500 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri program Industrial Talk by CEO bersama Dr. Hari Narayanan yang merupakan Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Sdn Bhd anjuran Fakulti Pengurusan Industri dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian dengan kerjasama Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM).



Menurut Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr. Jamil Ismail berkata, sinergi antara tokoh korporat dan pakar universiti ini sekali gus mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Inisiatif yang diperkenalkan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ini memberi peluang setiap CEO dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman industri antara 20 hingga 30 jam bagi tempoh setahun sama ada di 'host university' ataupun 'affiliate university'.

"Namun ternyata selepas hampir dua tahun pembabitan Dr. Hari Narayanan sebagai CEO@Fakulti di universiti ini beliau berjaya mengadakan pertemuan mencecah hampir 100 jam sehingga beliau diiktiraf sebagai 'The Most Dedicated CEO' oleh pihak KPT," katanya.

Sementara itu, Pemangku Timbalan Pendaftar JJIM merangkap Pegawai Fokal KPT di UMP, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais berkata, program ini merupakan kesinambungan program CEO@Fakulti yang telah dimulakan dua tahun lalu melibatkan tokoh-tokoh korporat yang berwibawa daripada syarikat berkaitan kerajaan, industri-industri terkemuka dan pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam. Mahasiswa berpeluang untuk mengetahui aspek pentadbiran dan berkongsi amalan terbaik yang membolehkan mereka berfikir dengan lebih baik serta holistik.



Pertemuan kali ini memberikan peluang Dr. Hari berkongsi mengenai tajuk pengurusan risiko dalam projek dan operasi yang mana beberapa elemen risiko diketengahkan tatkala berdepan situasi sebenar di industri. Proses pengurusan risiko dimulakan dengan fasa perancangan, mengenalpastian risiko, analisa risiko secara kualitatif dan kuantitatif di samping pelan kawalan dan pemantauan sesuatu risiko. Pelbagai kaedah digunakan untuk mengenalpasti risiko termasuklah semakan ke atas dokumen yang disediakan, sesi percambahan idea, temubual serta penggunaan teknik Delphi.

Program turut menampilkan, Pengarah Perolehan Motorola, Eric Yong yang turut berkongsi bagaimana mencari pilihan dan fleksibiliti dalam urusan perolehan secara global. Ujarnya, Motorola sentiasa meletakkan sasaran untuk menyediakan produk yang terbaik untuk pelanggannya di samping turut memberi penekanan kepada perkhidmatan dan inovasi produk.



Peranan perolehan secara global penting untuk memastikan bekalan yang tepat mengikut kehendak pengguna dan mereka sentiasa berhubung dengan rakan strategik di seluruh dunia untuk mencari pilihan dan yang paling penting sekali adalah produk perlu disampaikan kepada pengguna walau apa jua yang berlaku.

Pada tahun ini program CEO@Fakulti menampilkan beberapa siri syarahan umum, sesi penasihat industri, lawatan industri termasuk program utama melibatkan tokoh-tokoh CEO@Fakulti UMP lain iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui program forum CEO Get Together yang akan diadakan pada bulan Mei nanti.

Disediakan Mohd Raizalhilmy Mohd Rais dari Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 28-02-2017, 15:53:08